



09 MAY, 2025

Bolehkah ubah suai meter elektrik untuk kurangkan bil?

Kosmo, Malaysia



Bolehkah ubah suai meter elektrik untuk kurangkan bil?

ASSALAMUALAIKUM Datuk. Saya nak bertanya beberapa soalan berkenaan elektrik. Bolehkah kita membuat sesuatu untuk mengurangkan bil elektrik? Contoh memasang magnet di meter atau mengubah suai meter?

JAWAPAN: PIHAK kerajaan merupakan pemilik kepada sumber tenaga elektrik dalam negara dan mengamankan kepada agensi-agensi seperti Tenaga Nasional Berhad (TNB) untuk menguruskan agihan bekalan tersebut kepada masyarakat berdasarkan akta-akta yang khusus.

Perbuatan mengubah suai meter elektrik adalah bertentangan dengan syariat Islam. Hal demikian kerana ia bertujuan memperoleh sesebuah harta dengan cara yang salah iaitu tanpa keizinan daripada pemilik harta

berkenaan, malah mencabuli undang-undang setempat.

Secara umumnya, terdapat larangan dalam al-Quran ke atas orang beriman daripada memakan atau mengambil harta orang lain secara batil. Allah SWT berfirman:

"Dan janganlah kamu makan (atau mengambil) harta (orang-orang lain) di antara kamu dengan jalan yang salah, dan jangan pula kamu menghulurkan harta kamu (memberi rasuah) kepada hakim-hakim kerana hendak memakan (atau mengambil) sebahagian daripada harta manusia dengan (berbuat) dosa, padahal kamu mengetahui (salahnya)." (Surah al-Baqarah:188). Menurut al-Tabari ayat di atas bermaksud larangan daripada memakan atau mengambil harta orang lain secara batil iaitu bukan menggunakan cara yang diharuskan oleh

Allah SWT.

Sementara al-Maraghi dalam salah satu tafsiran terhadap kalimah batil pada ayat tersebut menyatakan bahawa ia termasuklah juga tidak mendapat keredaan atau keizinan daripada pihak pemilik asal harta berkenaan.

Beliau kemudiannya menghuraikan secara terperinci bentuk-bentuk pengambilan harta dengan cara yang batil. Antaranya termasuklah menggunakan pelbagai taktik penipuan dan helah untuk memperdaya penjual mahupun pelanggan.

Di samping itu, terdapat sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Abdullah Ibn Mas'ud bahawa Rasulullah SAW bersabda:

"Sesiapa yang melakukan penipuan maka dia bukanlah termasuk dalam kalangan kami. Balasan yang menimpa ke

atas golongan yang melakukan tipu daya dan muslihat adalah ditempatkan dalam neraka." (Riwayat Ibn Hibban)

Sehubungan dengan itu, pihak kami berpandangan bahawa hukum memasang magnet atau mengubah suai meter elektrik bagi menjimatkan bil elektrik adalah haram kerana perbuatan sedemikian dilihat sebagai salah satu helah untuk menipu dan mengambil sesuatu tanpa memohon keizinan daripada pemilik asal.

Tambahan pula, ia juga merupakan salah satu bentuk perbuatan mendapatkan harta secara batil. Pada masa yang sama, pihak kami menasihatkan kepada seluruh masyarakat supaya mengambil langkah-langkah penjimatan elektrik seperti menetapkan had penggunaan alatan elektrik di rumah.